



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

16 DISEMBER 2025 (SELASA)

Malaysia Perlu Lebih Tiga Juta Lembu Penuhi Keperluan Domestik Menjelang 2040

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	15 Dis



Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Malaysia memerlukan lebih tiga juta ekor lembu menjelang 2040 bagi memenuhi keperluan bekalan daging dan tenusu domestik, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Isham Ishak.

Beliau berkata pembangunan industri ruminan negara menjadi antara fokus utama KPKM dalam perancangan jangka Panjang untuk memperkukuh sektor

agromakanan melalui penerapan teknologi moden seperti kecerdasan buatan (AI) dan dron bagi meningkatkan produktiviti sektor itu.

“Dalam tempoh 2021 sehingga 2025, kami melihat sumbangan sektor ini agak besar dan untuk masa depan kami melihatkan kadar sara diri (SSR) nak capai 50 peratus pada 2030.

“Pada tahun ini, kita ada lebih kurang 886,000 ekor lembu tapi pada 2030 kita

perlu lebih tiga juta ekor lembu untuk memastikan agenda keterjaminan makanan itu dicapai, terutama dalam sektor ruminan negara," katanya ketika menjadi tetamu program Apa Khabar Malaysia: MADANI Perkasa Pertanian, Kukuh Ekonomi Negara yang disiarkan di Bernama TV hari ini.

Beliau berkata pelbagai inisiatif termasuk program pembiakan baka, pengimportan lembu dan skim fidlot sedang dilaksanakan bagi mencapai tujuan berkenaan.

Selain itu, Isham berkata bagi menyokong industri ternakan ayam dan haiwan ruminan secara mampan, kementerian turut menumpukan pembangunan sektor jagung bijian khususnya bagi mengurangkan kebergantungan kepada import makanan ternakan.

Beliau berkata sebelum ini Malaysia mengimport 100 peratus jagung bijian, namun pada tahun ini negara memulakan penanaman dengan sasaran pengeluaran kira-kira 1.25 juta tan setahun bagi kegunaan makanan haiwan.

Isham berkata pendekatan itu sejajar dengan agenda keterjaminan makanan negara yang memerlukan

perancangan bersifat jangka panjang dan berteraskan inovasi antaranya menerusi kerjasama dengan negara luar termasuk dalam pertukaran teknologi dan amalan pertanian selain memastikan rantai bekalan.

Beliau berkata penggunaan teknologi AI dalam akuakultur dan aplikasi dron dalam aktiviti pertanian dilihat mampu mengoptimumkan penggunaan input, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh, meningkatkan kecekapan pengeluaran, sekali gus menyokong kelestarian sektor agromakanan.

Sementara itu, Isham berkata sektor perikanan kekal sebagai antara penyumbang penting kepada ekonomi negara dengan sumbangan sekitar RM9.18 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku ketiga tahun ini, meskipun berdepan pelbagai cabaran termasuk faktor cuaca dan musim Monsun Timur Laut.

Isham ketika mengulas mengenai Belanjawan 2026 berkata peruntukan yang disediakan kerajaan mencerminkan komitmen berterusan terhadap sektor pertanian sebagai sektor strategik negara.

"Subsidi pertanian amat penting bagi menstabilkan harga makanan, menjamin bekalan serta memastikan kelangsungan hidup petani, pesawah dan nelayan," katanya.

Menerusi Belanjawan 2026, kerajaan memperuntukkan RM6.87 bilion kepada sektor pertanian, meningkat tujuh peratus berbanding tahun sebelumnya, sebagai usaha memperkukuh agenda keterjaminan makanan negara dalam berdepan cabaran perubahan iklim dan gangguan rantai bekalan global.

Selain itu, peruntukan RM2.63 bilion disediakan untuk pelbagai subsidi termasuk subsidi harga padi, subsidi tanaman padi, subsidi baja, subsidi benih dan insentif pengeluaran padi serta bantuan kepada pesawah, sekali gus merekodkan subsidi pertanian tertinggi dalam sejarah.

Isham berkata penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian adalah penting bagi menjamin kesinambungan agenda keterjaminan makanan negara, memandangkan majoriti pengusaha pertanian kini berusia lebih 60 tahun.

Beliau berkata melalui pelbagai skim geran dan

sokongan keusahawanan, hampir 4,000 usahawan tani berjaya dilahirkan, dengan lebih 30 peratus memperoleh pendapatan melebihi RM5,000 sebulan.

Sementara itu, Isham berkata penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2026 akan dimanfaatkan sebagai platform menarik pelaburan, menjalin kerjasama strategik serta memperkenalkan teknologi pertanian bernilai tambah bagi memperkukuh ekosistem pertanian negara.-

[BERNAMA](#)

Perak Laksana Program Feeder Mapping, Perkukuh Pengurusan Haiwan Jalanan			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Edisi Perak	Dalam Talian	15 Dis



Perak akan melaksanakan program feeder mapping untuk pengurusan haiwan jalanan secara efisien. Gambar hiasan

IPOH - Perak akan melaksanakan program feeder mapping sebagai pendekatan berasaskan data bagi memperkukuh pengurusan haiwan jalanan secara lebih efisien di seluruh negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Sandra Ng Shy Ching berkata, program itu bertujuan mengenal pasti lokasi tumpuan pemberian makanan haiwan jalanan bagi membolehkan perancangan pemandulan,

pemantauan dan intervensi dijalankan secara lebih tersusun, berfokus serta berkesan.

"Program feeder mapping ini penting dalam memastikan usaha pengurusan haiwan jalanan dapat dilaksanakan secara berasaskan data dan lokasi sebenar, sekali gus mengurangkan pembiakan tidak terkawal.

"Program ini terbuka kepada komuniti feeder (pemberi makanan), NGO (pertubuhan bukan kerajaan), sukarelawan

serta individu yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan kebajikan haiwan jalanan," katanya pada sidang media berkenaan Aplikasi Feeder Mapping di bawah program Perak Pawsitive Initiative di sini pada Isnin.

Beliau berkata, program itu dilaksanakan bermula 28 Disember ini, bersempena dengan Majlis Penutup Perak Pawsitive Initiative 2025 di Klinik Haiwan Menglembu di sini.

Sandrea berkata, sebagai galakan penyertaan, pemberi makanan yang menghadiri Taklimat Feeder Mapping akan menerima kupon pemandulan bersubsidi bernilai RM50 yang boleh digunakan di empat klinik veterinar rakan kerjasama Perak Pawsitive Initiative dengan kupon itu sah digunakan mulai 1 Feb hingga 31 Julai 2026.

Beliau berkata, pada hari sama, kerajaan negeri juga akan memperkenalkan Aplikasi Feeder Mapping sebagai satu langkah memanfaatkan teknologi digital dalam pengurusan haiwan jalanan.

"Pembangunan aplikasi ini selari dengan aspirasi bandar pintar, bertujuan memperkukuh penyelarasan data, perancangan jangka

pendek, sederhana dan panjang serta kerjasama antara agensi dan masyarakat," katanya.

Justeru beliau berkata, orang ramai, khususnya pemilik haiwan dan komuniti feeder, dijemput menyertai kempen pemandulan bersubsidi serta Program Feeder Mapping sebagai usaha bersama membina komuniti lebih selamat, harmoni dan berperikemanusiaan, selaras aspirasi Perak Sejahtera 2030.

Beliau berkata, Perak Pawsitive Initiative terus komited menangani isu haiwan jalanan secara mampan dan berperikemanusiaan melalui pendekatan kerjasama pelbagai pihak, pendidikan awam serta pelaksanaan program pemandulan bersubsidi secara berfasa di seluruh negeri.-

[SINARHARIAN](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR